

**SYARAT-SYARAT BAGI PERNIAGAAN EKSPLO JUALAN  
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2023**

**BERTEMPAT DI DATARAN ALAMANDA, PUSAT BANDAR, PARIT  
BUNTAR, PERAK  
DAN JALAN SETIA PUSAT BANDAR, BAGAN SERAI, PERAK**

1. Tempoh perniagaan adalah **20 HARI** bermula **2 APRIL 2023** sehingga **21 APRIL 2023**.
2. Lot yang ditawarkan tidak dibenar di sewa atau di pajak kepada peniaga lain. Sekiranya ianya berlaku, Majlis akan membatalkan penyertaan tuan/puan dan tapak tersebut akan di tawarkan kepada peniaga lain serta bayaran yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan. Nama juga akan disenarai hitam oleh pihak Majlis.
3. Setiap khemah perniagaan hanya dibenarkan memasang lampu sebanyak 15 unit sahaja dimana setiap satu unit mentol lampu berkuasa 25 *watt*.
4. Peniaga juga adalah tidak dibenar sama sekali menggunakan seterika elektrik, peti ais, penyaman udara atau barangan elektrik lain yang boleh menyebabkan gangguan bekalan elektrik.
5. Sebarang pelanggaran syarat bagi perkara 3 dan perkara 4 seperti di atas akan menyebabkan barangan tersebut akan di rampas.
6. Waktu perniagaan adalah dari pukul 10.00 pagi hingga 12.00 malam.
7. Kebersihan tapak eksplo hendaklah diberi keutamaan dan tiada sampah sarap yang dibiarkan berselerakan.
8. Dilarang menggantung/menyidai atau menjemur apa-apa pakaian basah di kawasan eksplo.
9. Sebarang bentuk perniagaan yang menyalahi undang-undang adalah dilarang sama sekali di jalankan.

10. Sampah sarap perniagaan hendaklah dimasukkan kedalam karung plastik serta di letakkan di kawasan yang telah ditetapkan sahaja.
11. Tuan/puan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas barang barang perniagaan yang di jalankan. Majlis tidak akan bertanggung jawab di atas segala kehilangan atau kerosakan kepada barang- barang perniagaan tuan/puan.
12. Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap berlakunya sebarang kemalangan awam terhadap peniaga atau pembantu di tapak ekspo sebelum, semasa atau sesudah perniagaan dijalankan.
13. Syarat-syarat lain akan diberitahu kepada semua peniaga dari masa ke semasa dalam tempoh ekspo berlangsung.
14. Semua syarat yang dinyatakan boleh dipinda oleh pihak majlis dari semasa ke semasa
15. Jika berlaku pelanggaran syarat tindakan perundangan boleh diambil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil serta undang-undang lain yang diguna pakai oleh Majlis Daerah Kerian. Termasuk membatalkan perniagaan.